



NOTIS PEMAKLUMAN

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

1 APRIL 2021 – 14 APRIL 2021

PENGOPERASIAN AKTIVITI PERNIAGAAN

KEPADА : SEMUA PEMILIK DAN PENGUSAHA PREMIS PERNIAGAAN

DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

TARIKH : 31 MAC 2021

SILA AMBIL MAKLUM bahawa kerajaan telah melanjutkan **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** mulai **1 APRIL 2021 hingga 14 APRIL 2021** sebagai tindakan kawalan dalam membendung penularan wabak COVID-19 di seluruh negara.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa semua aktiviti ibadah di masjid adalah tertakluk kepada kebenaran terhad seperti ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri manakala lain-lain aktiviti keagamaan seperti Rumah Ibadat Bukan Islam adalah tertakluk kepada SOP yang ditetapkan. Senarai aktiviti perniagaan/lain-lain aktiviti yang **DIBENARKAN BEROPERASI** dan **TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI** **di dalam tempoh PKPB** adalah seperti berikut:

SENARAI AKTIVITI YANG DIBENARKAN BEROPERASI (KEBENARAN BERSYARAT/TERHAD)

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	a) Hospital & Klinik b) Pusat Diagnostik c) Pusat Bersalin d) Pusat Fisioterapi/ Rehabilitasi e) Pusat Dialisis f) Makmal Perubatan g) Klinik Veterinar h) Kedai Ubat Tradisional Berdaftar	SEPERTI BIASA
2.	Institusi Kewangan a) Perbankan/ATM/CDM b) Insurans/Takaful c) Entiti-entiti lain yang dileSEN,dilulus atau didaftaR oleh Bank Negara Malaysia d) Entiti-entiti pasaran modal yang dileSEN, didaftaR atau dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	6.00 pagi hingga 12.00 malam
3.	a) Pasar Awam (Majlis Perbandaran Kluang) b) Pasar Awam (Persendirian)	6.00 pagi hingga 2.00 petang

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
4.	Stesen Minyak bersama <i>Mart</i> /Kedai Serbaneka *Stesen minyak di lebuhraya dibenarkan beroperasi sehingga 24 jam .	6.00 pagi hingga 12.00 malam
5.	a) Restoran b) Kedai Makan c) Medan Selera d) Gerai Makan (Gerai Majlis Perbandaran Kluang) e) Gerai Makan (Berbumbung) f) <i>Kiosk</i> *Dibenarkan beroperasi secara <i>dine-in</i> (dengan penjarakan 1 meter antara pelanggan mengikut saiz meja)	6.00 pagi hingga 12.00 malam
6.	a) Pasar Mini b) Kedai Runcit c) Kedai Serbaneka 24 Jam d) Pemborong Runcit	6.00 pagi hingga 12.00 malam
7.	Pembinaan *Mendapat kelulusan beroperasi daripada CIMS MITI dan dipamerkan di premis/tapak bina. Perlu mematuhi SOP Sektor Pembinaan dan hanya menjalankan aktiviti sektor pembinaan yang dibenarkan sahaja.	SEPERTI BIASA
8.	Utiliti i. Air ii. Tenaga	SEPERTI BIASA
9.	1) Kompleks Membeli-Belah 2) Pasaraya/ Pasaraya Besar/ <i>Departmental Store</i> 3) Kedai Dobi/Dobi Layan Diri 4) Kedai Emas 5) Kedai Perabot 6) Kedai Buku & Alat Tulis 7) Kedai Elektrik dan Elektronik 8) Pusat Pengedaran dan Jualan Kereta 9) Kedai Cermin Mata dan Alat Optik 10) Kedai Bunga 11) Kedai Langsir/Permaidani 12) Kedai Telekomunikasi/Menjual Telefon/Aksesori/Nilai Tambah 13) Kedai Kasut/Kedai Beg/Kedai Membaiki Kasut 14) Kedai Komputer/ Kedai Membaiki Komputer/ Aksesori 15) Kedai Cuci Kenderaan 16) Kedai Percetakan/Fotostat 17) Kedai Gambar/Kamera/Studio 18) Kedai Peralatan Sukan/ Basikal/Membaiki Basikal 19) Kedai Menjahit Pakaian 20) Pejabat Urusan/Kontraktor Hiasan Dalaman	6.00 pagi hingga 12.00 malam

- 21) Kedai Membuat/Menjual Cenderamata
 22) Kedai Jam/Membaliki Jam
 23) Pejabat Persatuan/Komuniti
 24) Kedai Permainan Kanak-kanak
 25) Kedai Cermin/Bingkai Gambar
 26) Kedai Pengiklanan/Membuat Iklan
 27) Kedai Menjual Tembakau/Perusahaan Tembakau
 28) Kedai Menjual Peralatan Audio
 29) Pejabat Kontraktor
 30) Kedai Barang Sembahyang
 31) Kedai Hardware Barang Binaan Rumah
 32) Kedai Jubin
 33) Pejabat Am/ Agensi
 34) Kedai Input Pertanian (Baja/Racun)
 35) Kedai Barang Terpakai
 36) Perkhidmatan Kerja Ke Rumah (Coway/Cuckoo)
 37) Kedai Aluminium/Kaca/Barang-Barang Plastik
 38) Perusahaan/Peniaga Kecil dan Sederhana
 39) Kedai Menjual Keranda/Batu Nisan
 40) Kedai Besi
 41) Kedai Gas
 42) Kedai Getah
 43) Kedai Menjual dan Membuat Kunci
 44) Kedai Menjual Barang Bayi
 45) Kedai Tembikar
 46) Kedai membeli/Menjual Barang Kitar Semula
 47) Kedai Menjual Alat Penapis
 48) Kedai Menjual Alat-Alat Keselamatan
 49) Kedai Buah-Buahan
 50) Kedai Pakaian, Fesyen dan Aksesori
 51) Kelas Pengajian Al-Quran
 52) Pusat Tuisyen
 53) Kelas Pengajian Bahasa
 54) Kelas Muzik
 55) Bengkel Kenderaan Bengkel Kenderaan/Motosikal
 56) Kedai *Hardware*
 57) Kedai Menjual Alat Tukar Ganti
 58) Institut Memandu dan Latihan
 59) Panggung wayang
 60) Kelas Tarian
 61) Kelas Muzik
 62) Kelas Yoga
 63) Pajak Gadai
 64) Kredit Komuniti (syarikat peminjam wang berlesen)
 65) Ar-Rahnu Koperasi
 66) Kedai Farmasi/Penjagaan Diri
 67) Butik Andaman
 68) SPA/*Wellness*
 69) Pusat Urut Kaki dan Refleksologi
 70) Agensi No. Ramalan

* Lain-lain aktiviti yang tidak termasuk dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan adalah **DIBENARKAN** berdasarkan SOP sedia ada yang ditetapkan.

* Pemilik **Kedai Dobi Layan Diri** perlu memastikan sekurang-kurangnya (1) satu orang pekerja ditugaskan bagi memantau pelaksanaan pematuhan SOP yang ditetapkan.

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
10.	<p>Pusat Jagaan Harian, Pusat Asuhan Kanak-Kanak, TASKA, Tadika dan Tabika</p> <p>1) Pusat jagaan kanak-kanak, tabika, tadika dan taska dibenarkan beroperasi dengan kebenaran beroperasi oleh Kementerian/Agensi berkaitan.</p> <p>2) Pusat jagaan harian bagi Orang Kurang Upaya (OKU), Warga Emas, Wanita dan Pusat Jagaan Pelbagai dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKPB.</p> <p>*Ibubapa/penjaga yang menghantar anak-anak ke pusat jagaan kanak-kanak dibenarkan menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang kanak-kanak mengikut kapasiti kenderaan.</p>	SEPERTI BIASA
11.	<p>a) Infrastruktur Telekomunikasi & Digital termasuk perkhidmatan ICT dan perkhidmatan perniagaan global (GBS).</p> <p>b) E-Dagang dan rantaiannya termasuk perkhidmatan <i>e-marketplace</i>, pembayaran digital dan pusat internet e-dagang setempat.</p> <p>c) Pos dan Kurier</p> <p>d) Penyiaran</p>	SEPERTI BIASA
12.	<p>Hotel</p> <p>a) Penginapan</p> <p>b) Khidmat Restoran (bawa pulang/penghantaran/<i>room service</i> manakala perkhidmatan <i>buffet</i> tidak dibenarkan)</p>	SEPERTI BIASA
13.	<p>Aktiviti Penjajaan</p> <p>i. Penjaja Tepi Jalan</p> <p>ii. Penjaja Bergerak</p> <p>a) Kenderaan Bersaji (<i>food truck</i>)</p> <p>b) Luton Van</p> <p>*Kebenaran terhad hanya kepada pemegang Permit Sementara yang sah di kawasan yang dibenarkan sahaja. Senarai kawasan yang tidak dibenarkan bagi aktiviti penjajaan adalah seperti berikut :</p> <p>1. Di sepanjang Jalan Penghulu Kassim 2. Di sepanjang Jalan Tembikai 3. Di sekitar Rumah Pangsa Haji Manan 4. Di sepanjang Jalan Utama Paloh - Kg Baru 5. Di sepanjang Jalan Batu Pahat - Mersing 6. Di sepanjang Jalan Intan 2/2</p>	6.00 pagi hingga 12.00 malam

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
14.	<p>a) Perkhidmatan Profesional</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Akauntan ii. Peguam iii. Auditor iv. Jurutera v. Arkitek vi. Saintifik (termasuk R&D) vii. Teknikal (termasuk penyenggaraan) <p>b) Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (<i>security services</i>)</p>	SEPERTI BIASA
15.	<p>Pasar Pagi/Pasar Malam/Pasar Tani/ Bazar Karat@<i>Uptown</i></p> <p>Prosedur Operasi Standard (SOP)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hanya warganegara Malaysia yang memiliki lesen perniagaan yang sah dibenarkan bekerja dan menjalankan aktiviti perniagaan. ii. Peniaga di setiap pasar atau bazar perlu menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bersama dengan melantik seorang ketua dan minimum 4 orang ahli jawatankuasa untuk menyelaras pengurusan pematuhan SOP dan sekiranya diperlukan membuat jadual penggiliran peniaga. iii. Peniaga perlu memakai pakaian pelindungan diri, sarung tangan dan pelitup muka ketika menjalankan perniagaan. iv. Peniaga perlu memastikan jarak di antara gerai ke gerai minimum 2 meter. v. Lokasi kawasan perlu terbuka dan berpagar (tali merah putih/kuning) bagi mengawal laluan keluar masuk secara sehala. vi. Peniaga dan pengunjung diwajibkan menggunakan aplikasi MySejahtera atau Jejak Johor. vii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu memastikan pemeriksaan suhu badan dan pesanitasi tangan disediakan di pintu masuk. viii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu memastikan jumlah maksimum pengunjung yang telah ditetapkan dipatuhi melalui sistem nombor giliran. ix. Peniaga makanan hanya dibenarkan menjual makanan secara bawa pulang (takeaway). x. Warga emas, kanak-kanak dan golongan berisiko tinggi tidak digalakkan berada di dalam kawasan pasar. xi. Satu keluarga dibenarkan hadir dengan jumlah maksimum 2 orang pada satu masa. Walau bagaimanapun, kehadiran satu orang bagi satu keluarga adalah sangat digalakkan. xii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama dan setiap peniaga perlu memastikan SOP yang ditetapkan dipatuhi pada setiap masa. Kegagalan mematuhi SOP yang ditetapkan boleh menyebabkan kebenaran menjalankan perniagaan ditarikbalik. 	<p>Pasar Pagi 6.00 pagi hingga 11.00 pagi</p> <p>Pasar Malam 4.00 petang hingga 10.00 malam</p> <p>Pasar Tani 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari</p> <p>Pasar Tani (Taman Makmur) 4.00 petang hingga 7.00 malam</p> <p>Bazar Karat@<i>Uptown</i> 5.00 petang hingga 10.00 malam</p>

16.	<p>Kedai Gunting Rambut dan Salon Kecantikan</p> <p>Prosedur Operasi Standard (SOP)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pemilik premis perniagaan dan pelanggan diwajibkan menggunakan aplikasi MySejahtera atau Jejak Johor. ii. Pemilik premis perniagaan perlu menjalankan saringan suhu badan pekerja dan pelanggan dan menyediakan alat pesanitasi tangan. iii. Jarak antara kerusi tukang gunting atau salon minimum 2 Meter. iv. Pekerja perlu memakai alat pelindung muka, apron pakai buang dan set sarung tangan. Satu set sarung tangan dan pisau cukur hanya digunakan bagi seorang pelanggan sahaja. v. Pemilik premis perniagaan perlu menjalankan aktiviti nyahkuman atau disinfeksi peralatan dan ruang premis perniagaan pada setiap masa. vi. Pekerja bukan warganegara diwajibkan membuat ujian saringan Covid-19. vii. Tidak dibenarkan berkongsi tuala bagi setiap pelanggan. viii. Pemilik premis perlu menyatakan dengan jelas jumlah pelanggan yang boleh memasuki premis perniagaan pada satu-satu masa bergantung kepada jumlah kerusi di dalam premis perniagaan bagi memastikan pematuhan penjarakan fizikal 1 meter. ix. Golongan berisiko atau golongan berumur 60 tahun ke atas wajib membuat temujanji sebelum mendapatkan khidmat gunting rambut dan kehadiran adalah tanpa pengunjung lain dari kumpulan umur lain. x. Kanak-kanak 12 tahun ke bawah yang ingin mendapatkan khidmat gunting rambut perlu hadir bersama ibu atau bapa dengan memakai pelitup muka dan apron pakai buang. xi. Pemilik premis perniagaan perlu menampal poster SOP Kedai Gunting dan Salun Kecantikan di setiap pintu masuk atau di ruangan hadapan kedai. xii. Pemilik premis perniagaan perlu mematuhi pelaksanaan Langkah-Langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit. Sekiranya pemilik premis gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kebenaran yang diberikan akan ditarikbalik 	<p>8.00 pagi hingga 12.00 malam</p>
-----	--	--

17.	<p>Industri Kreatif</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semua jenis acara/ pertunjukan/ persembahan langsung merangkumi program rasmi Kerajaan/ seni muzik/ seni tari/ seni teater/ seni muzikal/ komedi/ persembahan kebudayaan dan warisan/ <i>livestreaming</i> dibenarkan dengan penonton terhad kepada 50% kapasiti ruang acara dengan mematuhi penjarakan fizikal. ii. Terhad di lokasi yang dikhaskan dan di ruang acara yang berlesen sahaja seperti pusat kokvensyen, galeri pameran, pusat dagangan, premis seni dan lain-lain premis <i>MICE</i> yang berlesen. iii. Persembahan di lounge hotel Dibenarkan Dengan Penonton terhad 50% kapasiti ruang acara dengan mematuhi penjarakan fizikal. Jumlah pengurusan, artis dan kru terhad kepada 70% daripada kapasiti biasa. iv. Aktiviti Pembangunan Kandungan Kreatif termasuk produksi muzik, animasi dan penggambaran filem, drama dan dokumentari yang dibuat di dalam dan luar studio adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, program televisyen yang dibuat secara langsung atau rakaman di dalam dan luar studio dibenarkan dengan penonton terhad kepada 50% kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal. v. Aktiviti '<i>busking</i>' di kawasan premis bangunan seperti kafeteria, medan selera, kedai makan dan pusat beli belah dibenarkan. vi. Aktiviti pawagam dan pawagam pandu masuk dibenarkan di kawasan PKPB. 	SEPERTI BIASA
18.	<p>Aktiviti/Operasi Pancing</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kolam Pancing 2) <i>Houseboat</i> 3) Pelantar Pancing (Kelong) 4) Rumah Rakit 5) Bot/Vesel Memancing 	SEPERTI BIASA

19.	<p>Aktiviti Sukan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semua aktiviti sukan dan rekreasi individu dan berpasukan bagi tujuan kesihatan, kecergasan, latihan dan permainan/perlawanan tertakluk kepada SOP Sektor Sukan dan Rekreasi termasuklah arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa dan kebenaran Pihak Berkuasa yang berkaitan. ii. Penganjuran kejohanan/ pertandingan di peringkat negeri/ komuniti dengan kebenaran KBS. iii. Penganjuran kejohanan/ pertandingan di peringkat kebangsaan yang melibatkan pergerakan rentas negeri dengan kebenaran PDRM seperti Liga MFL, MHL dan STL mestilah mengikut Model Gelembung Sukan dan tanpa kehadiran penonton/ penyokong. iv. Penganjuran kejohanan/ pertandingan kebangsaan dan antarabangsa wajib mendapat kebenaran KBS. v. Program Latihan Pusat Berfasa bagi pasukan-pasukan yang terlibat dalam MFL, MHL dan STL secara "<i>Home/ Camp Quarantine</i>". vi. Program Latihan Berpusat yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis-Majlis Sukan Negeri dilaksanakan dengan konsep "<i>Camp Quarantine</i>". vii. Aktiviti berkumpulan yang dilakukan secara setempat tanpa sentuhan fizikal dengan had kapasiti 50% daripada kapasiti kawasan dengan pematuhan penjarakan fizikal dan dengan kawalan penyeliaan. viii. Kehadiran penonton / penyokong ke venue sukan dan rekreasi tertakluk kepada 10% kapasiti tempat duduk atau 2,000 orang atau manapun yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pihak penganjur boleh menetapkan had kapasiti kehadiran penonton (tidak melebihi kapasiti yang ditetapkan) dengan mengambil kira kemampuan kawalan penyeliaan. 	SEPERTI BIASA
-----	---	----------------------

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
20.	<p><i>MICE (Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions)</i></p> <p>*Aktiviti acara perniagaan (<i>business events</i>) berkaitan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran adalah dibenarkan beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP <i>MICE</i> PKPB.</p>	SEPERTI BIASA
21.	<p>Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan</p> <p>Aktiviti-aktiviti berikut dibenarkan beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP-SOP PKPB berkaitan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Produk tarikan pelancong awam seperti zoo, farms, akuarium, pusat edutainment, taman rekreasi, extreme / adventure / nature parks dan lain-lain; ii. Premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat / kampung seni warisan budaya, pentas persesembahan budaya dan lain-lain; iii. Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga. Lain-lain aktiviti pelancongan dan kebudayaan selain di bawah senarai negatif adalah tertakluk kepada SOP-SOP PKPB Sektor Pelancongan dan Kebudayaan sedia ada yang sedang berkuatkuasa 	SEPERTI BIASA
22.	<p>Mesyuarat</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat secara bersemuka bagi urusan rasmi/kerja yang diadakan di pejabat, hotel dan lain-lain institusi adalah dibenarkan dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan hanya 50% kapasiti bilik mesyuarat. ii. Mesyuarat digalakkan dilaksanakan secara dalam sidang video. 	SEPERTI BIASA

BIL	JENIS PERNIAGAAN/AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
23.	<p>Penganjuran Majlis Keramaian/Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta/Majlis Sosial seperti kenduri-kendara, upacara pernikahan (akad nikah), Majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, <i>reunion, retreat</i> dan lain-lain majlis sosial.</p> <p>*Dibenarkan beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP Am Pelaksanaan Majlis Sosial.</p>	SEPERTI BIASA
24.	<p>Sektor Pengangkutan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPB berjalan seperti yang ditetapkan oleh kerajaan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan. ii. Semua kenderaan berkaitan industri, perniagaan dan perkilangan dibenarkan beroperasi termasuk merentas daerah dan negeri. iii. Bilangan penumpang dalam kenderaan persendirian adalah mengikut kapasiti kenderaan. Namun individu yang berisiko tinggi dan kanak-kanak tidak digalakkan keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak. iv. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan membawa barang dan perkhidmatan perlu serta rantaian aktiviti ekonomi/industri bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan. v. Pergerakan kenderaan persendirian, jabatan kerajaan atau syarikat swasta bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi Kerajaan adalah bergantung kepada kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut. vi. Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan dibenarkan beroperasi. vii. Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas ekspres, LRT/ MRT/ ERL/ Monorel, feri, kapal terbang, teksi/ <i>e-hailing</i> dan lain-lain pengangkutan awam dibenarkan beroperasi (waktu operasi mengikut syarat lesen) berdasarkan kapasiti kenderaan. viii. Perkhidmatan penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. 	SEPERTI BIASA
25.	<p>Sektor Perikanan, Perladangan dan Pertanian</p> <p>*Sektor perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantaian makanan adalah dibenarkan beroperasi.</p>	SEPERTI BIASA

26.	<p>Bazar Aidilfitri Dan Bazar Ramadan</p> <p>Prosedur Operasi Standard (SOP)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penganjur perlu memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter. ii. Tempat beratur dengan jarak 1 meter ditanda. iii. Peniaga dan pengunjung diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM ketika berada di Bazar. iv. Hand sanitizer disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk. v. Pendaftaran MySejahtera di pintu masuk dan setiap gerai. Peniaga diwajibkan menyediakan kemudahan QR code MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan sekiranya tiada liputan internet. vi. Pelanggan hanya perlu menjalani saringan suhu badan di pintu masuk sahaja dan bukan di setiap gerai di Bazar. Peniaga dan pelanggan yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius adalah tidak dibenarkan masuk. vii. Bilangan pengunjung adalah mengikut nisbah 1 gerai : 2 pengunjung pada satu-satu masa. xiii. Penganjur perlu mematuhi pelaksanaan Langkah-Langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit. Sekiranya penganjur gagal mematuhi SOP yang ditetapkan kebenaran yang diberikan akan ditarikbalik. 	<p>Bazar Ramadan 3.00 petang hingga 8.00 malam</p> <p>Bazar Aidilfitri 10.00 Pagi hingga 12.00 malam</p> <p>Tarikh Berkuatkuasa 14 April 2021</p>
-----	--	---

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI

BIL	JENIS PERNIAGAAN/ AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1.	Aktiviti Hiburan i. Aktiviti di kelab malam atau pub.	
2.	Aktiviti Sukan/Riadah/Rekreasi i. Aktiviti penganjuran kejohanan/ pertandingan TANPA kebenaran Kementerian Belia dan Sukan. ii. Aktiviti penganjuran kejohanan/ pertandingan dengan kehadiran penonton/ penyokong. Aktiviti berkumpulan yang bersentuhan fizikal dilakukan melebihi had kapasiti 50% kapasiti kawasan tanpa kawalan penyeliaan . iii. Aktiviti yang dijalankan di luar kawasan arahan pergerakan yang sedang berkuatkuasa kecuali mendapat kebenaran. iv. Aktiviti massa yang melibatkan pergerakan dan perkumpulan ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal dalam satu-satu masa seperti fun run, fun ride, marathon, triathlon dan sebagainya	TIDAK DIBENARKAN
3.	Aktiviti Pelancongan i. Aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB, di kawasan PKP dan PKPD. ii. Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.	
4.	Lain-lain Yang Tidak Dibenarkan i. Pergerakan rentas negeri lain tanpa kebenaran PDRM. ii. Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan. iii. Lain-lain perkara yang diputuskan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.	

Langkah-Langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit:

- i. Semua pemilik dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki mengikuti **Langkah-Langkah Kerja Pembersihan (disinfeksi) menggunakan cecair pencuci dan peluntur nyahkuman yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang digunasama oleh orang ramai terutamanya troli, bakul barang, tombol pintu, kaunter bayaran, eskalator, *nozzle pump* dan sebagainya secara kerap atau sebaik-baiknya pada setiap kali digunakan.
- ii. **Langkah-Langkah Kerja Pembersihan (disinfeksi) hendaklah dilaksanakan 2 atau 3 kali sehari** dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan umum atau guna sama seperti lantai, lobi, lif, surau, tandas, stor, pejabat, kaunter, *cafeteria / kantin*, bilik mesyuarat, dewan serbaguna dan lain-lain.
- iii. Semua pemilik dan pengusaha premis perniagaan atau kilang perlu **membuat pemeriksaan suhu badan semua pekerja** yang hadir bekerja pada awal waktu masuk bekerja serta merekodkan kehadiran dan bacaan suhu pekerja (**maksimum 37.5**) pada setiap hari.
- iv. Majikan diwajibkan untuk memastikan semua pekerja memakai pelitup muka.
- v. Majikan **digalakkan untuk menjalankan ujian saringan COVID-19 terhadap pekerja asing.** Keutamaan adalah bagi sektor pembinaan dan sektor kawalan keselamatan.
- vi. Semua pemilik dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki **untuk merekodkan kehadiran pelanggan dengan menggunakan aplikasi Mysejahtera atau Jejak Johor dan menyediakan thermal termometer** bagi menjalankan pemeriksaan suhu badan pelanggan (maksimum 37.5).
- vii. Pemilik dan pengusaha premis perniagaan **dikehendaki menyediakan pesanitasi tangan** berdasarkan alkohol atau menyediakan ruangan mencuci tangan.
- viii. Pemilik dan pengusaha premis perniagaan hendaklah **memastikan pelaksanaan penjarakan fizikal minimum 1 meter** atau lebih di antara satu sama lain samaada pekerja atau pelanggan.
- ix. Pemilik dan pengusaha premis perniagaan hendaklah **melaksanakan penandaan penjarakan fizikal dilantai, meja dan kerusi ruangan menunggu** terutamanya di kawasan sesak seperti di kaunter bayaran, ruang menunggu/ beratur bagi memastikan penjarakan selamat minimum 1meter.

- x. Menggalakkan penggunaan peralatan makanan jenis pakai buang *biodegradable*.
- xi. **Menggalakkan kaedah pembayaran tanpa wang tunai atau *cashless* (*e-wallet*, kad kredit dan lain-lain) bagi premis yang mempunyai kemudahan ini terutamanya di pasaraya, kedai runcit dan kedai serbaneka.**
- xii. Majikan/pemilik syarikat **perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID-19** bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes jangkitan COVID-19.
- xiii. **Menggalakkan sistem temujanji secara dalam talian** bagi pelanggan yang ingin berurus.
- xiv. Melaksanakan lain-lain arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi setiap sektor yang dibenarkan dalam tempoh PKP berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh MKN atau Kementerian/Agenzi berkaitan.
- xv. Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh KKM dari semasa ke semasa.

Pemilik dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki untuk mematuhi perintah ini mulai **1 April 2021 hingga 14 April 2021** dengan peruntukan bidangkuasa Majlis Perbandaran Kluang di bawah Seksyen **72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**.

Terima kasih.

Dengan Perintah,

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang
31 Mac 2021**